



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,  
TINGKAT 14, 17 & 18,  
WISMA BAPA MALAYSIA,  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon Am: 082-441957  
Kawat: FINANCIAL KUCHING  
Teleks: STAFIN MA70023  
Fax: 082-313245/449948

1

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)/(T-1)/(7)  
Tarikh : 18.11.2010

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK BIL. 05/2010**

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

*YBhg. Datuk/Datu/Tuan/Puan,*

**SISTEM MAKLUMAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR**  
**( CONTRACTORS REGISTRATION INFORMATION SYSTEM – CoRIS)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (*Contractors Registration Information System - CoRIS*) oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak serta menerangkan peraturan-peraturan dan syarat-syarat penggunaan sistem ini.

**2. CoRIS**

- 2.1 *CoRIS* merupakan sistem pangkalan data yang mengandungi maklumat pendaftaran dan pengalaman kerja kontraktor/pembekal/konsultan.
- 2.2 Melalui *CoRIS*, Kementerian/Jabatan/Agensi akan dapat mengakses secara terus maklumat kontraktor, pembekal dan konsultan yang berdaftar dengan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Bahagian Perolehan (Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding).

**3. OBJEKTIF CoRIS**

- 3.1 Pelaksanaan *CoRIS* akan membolehkan Kementerian/Jabatan/Agensi mendapat maklumat terkini mengenai kontraktor/pembekal/konsultan bagi tujuan berikut :
- (a) Menyemak mengenai bidang, kelas/kategori, kepala/subkepala, sahlaku tempoh pendaftaran, status Bumiputera, rekod kerja dan sebagainya;

- (b) Mengenalpasti kontraktor/pembekal yang layak untuk dipelawa menyertai sebutharga/tender;
  - (c) Memastikan pengeluaran dokumen pembelian terus/sebutharga/tender dibuat hanya kepada kontraktor/pembekal yang layak/sah;
  - (d) Mempercepat serta melicinkan proses penilaian untuk membuat keputusan ke atas pembelian terus/sebutharga/tender dengan adanya maklumat yang terkini; dan
  - (e) Mengenalpasti dan menyemak rekod konsultan bagi tujuan permohonan pelantikan konsultan.
- 3.2 *CoRIS* juga membolehkan Kementerian/Jabatan/Agensi mengemaskini maklumat mengenai butir-butir kerja yang sedang dan/atau telah dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/konsultan.

#### 4. PELANTIKAN PENGGUNA

- 4.1 Ketua Jabatan/Agensi hendaklah melantik dua (2) orang pegawai untuk menjalankan tugas-tugas seperti berikut :

a. **Pemasuk Data**

Pegawai ini berperanan untuk mengakses maklumat pendaftaran kontraktor/pembekal/konsultan serta mengemaskini maklumat projek yang sedang dan/atau telah dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/konsultan.

Pegawai yang dilantik hendaklah terdiri daripada Pegawai Gred 17 ke atas.

b. **Penyemak Data**

Pegawai ini bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesah data yang dimasukkan oleh Pemasuk Data.

Pegawai yang dilantik hendaklah terdiri daripada Pegawai Gred 27 ke atas.

- 4.2 Pelantikan pegawai-pegawai tersebut hendaklah atas nama individu dan bukan atas nama jawatan bagi tujuan pemberian akses ke sistem *CoRIS*.

#### 5. TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

- 5.1 Semua maklumat kontraktor/pembekal/konsultan yang diakses adalah **SULIT** dan **DIHADKAN** bagi tujuan aktiviti perolehan Kementerian/Jabatan/Agensi dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Pengguna yang menyalahgunakan maklumat boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan sedia ada.

- 5.2 Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mengemaskini maklumat projek yang sedang dan/atau telah dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/konsultan hendaklah memastikan maklumat tersebut telah disemak dan disahkan betul oleh pegawai yang berkenaan sebelum dikemaskini ke *CoRIS*.
- 5.3 Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap semua maklumat yang dikemaskini ke *CoRIS* oleh pegawai mereka yang dilantik.
- 5.4 Pegawai-pegawai yang telah diberi akses adalah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kata laluan masing-masing serta maklumat yang diakses dan mereka tidak boleh memanjangkannya/berkongsi hak akses mereka dengan orang lain.
- 5.5 Kementerian/Jabatan/Agensi **diwajibkan** untuk memaklumkan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri sekiranya berlaku pertukaran pegawai-pegawai yang dilantik.

## 6. BORANG DAN MANUAL PENGGUNA

- 6.1 Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan Borang **SKN/CoRIS/1/2010** untuk pelantikan pegawai yang diberi akses ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri sebelum atau pada **10 Disember 2010**.
- 6.2 Bagi penggantian pegawai yang diberi akses Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan Borang **SKN/CoRIS/1A/2010** ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk tindakan lanjut.
- 6.3 Permohonan untuk mendapatkan akses tambahan hendaklah menggunakan Borang **SKN/CoRIS/1/2010**.
- 6.4 Semua borang ini dan Manual Pengguna boleh dimuat turun (*download*) dari laman web Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.

## 7. CAPAIAN DAN PELAKSANAAN

*CoRIS* akan dilaksanakan pada **20 Disember 2010** dan boleh dicapai melalui SarawakNet ([www.sarawaknet.gov.my](http://www.sarawaknet.gov.my)).

8. **PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 3/2004 adalah dibatalkan.

9. **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan mengenai *CORIS* hendaklah merujuk kepada pegawai-pegawai berikut:


<u>Bil.</u>	<u>Nama Pegawai</u>	<u>No. Telefon/Faks</u>
1.	Puan Hajah Lena Hj. Masaat	082-235810/235710/248462
2.	Puan Jenny Lee Siak Nee	082-251593 (Faks)
3.	Cik Caroline Hwang	

Sekian, terima kasih.

**'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'**

*"AN HONOUR TO SERVE"*

*Yang benar,*



**(DATO SRI AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN)**  
Setiausaha Kewangan Negeri  
Sarawak

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak

Pengarah Audit Dalam, Sarawak

KEMENTERIAN/JABATAN: \_\_\_\_\_

SKN/CoRIS /1/2010

CONTRACTORS REGISTRATION INFORMATION SYSTEM (CoRIS)  
BORANG PERMOHONAN LANTIKAN DAN AKSES  
SEBAGAI PEMASUK DATA (DATA ENTRY) DAN PENYEMAK DATA (DATA CHECKER)

Kepada: Setiausaha Kewangan Negeri

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan / Gred	No. Kad Pengenalan Baru/Lama	ID e-mel SarawakNet	Tel./Fax No.	Peranan (Data Entry / Data Checker)	Peringkat (Ibupejabat /Bahagian /Daerah)
1.							
2.							
3.							
4.							
5.							
6.							

**Kebenaran Pegawai Pengawal**

Dengan ini saya membenarkan penama-penama tersebut di atas untuk mengakses dan menjalankan tugas-tugas sebagai Penyemak Data (*Data Checker*) dan Pemasuk Data (*Data Entry*) bagi Sistem CoRIS.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pegawai Pengawal

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Cop Kementerian / Jabatan

**NOTA:**

1. Sila pastikan Cop Jabatan diturunkan ke atas nama terakhir pegawai yang dilantik bagi mengelak sebarang tambahan nama pegawai yang tidak diperakui oleh Pegawai Pengawal.
2. Borang ini boleh juga dimuat turun (download) di laman web Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.

SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADA:

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI  
(BAHAGIAN PEROLEHAN)  
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR & JURUPERUNDING  
TINGKAT 7, WISMA SATOK, JALAN SATOK  
93400 KUCHING  
(U.P. HJH LENA HJ MASAAT / PN JENNY LEE SIAK NEE / CIK CAROLINE HWANG)  
TEL: 082-235810 / 235710 / 248462 FAKS : 082-251593